



Menjelang tahun 2005

UNIMAS

bercadang keluar

14,000 graduan

KUCHING:-Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), bercadang untuk mengeluarkan sekurang-kurangnya 14,000 mahasiswa / mahasiswi menjelang tahun 2005.

Timbalan Naib Canselor UNIMAS, Prof Madya Dr. Yusuf Hadi berkata, ianya adalah sebagai usaha menampung keperluan tenaga mahir atau profesional yang semakin meningkat selaras dengan permintaan bagi mengerakkan kemajuan negara.

"Ini juga memandangkan merekalah yang berperanan mengerakkan segala jentera pembangunan sebagaimana yang diimpikan."

Menurutnya, sebagai usaha tersebut pihaknya dijangka akan memperkenalkan lebih banyak program-program pengajian bagi menampung program yang telah sedia ada dari masa ke semasa.

"Tahun pertama hanya dua buah fakulti ditawarkan iaitu Fakulti Sains Sosial serta Sains dan Teknologi Sumber manakala untuk sesi 1994/1995 mereka telah empat buah

serta Fakulti Sains Kognatif dan Pembangunan Manusia,"katanya kepada pemberita selepas majlis 'Mingguan Aluan Siswa UNIMAS' di sini semalam.

Walau bagaimanapun beliau turut menjelaskan, berkemungkinan tahun hadapan dua lagi fakulti akan diperkenalkan iaitu Fakulti Perubatan serta Fakulti Ekonomi dan Perniagaan.

"Seramai 360 pelajar baru UNIMAS telah terpilih untuk sesi 1994/1995 yang akan memulakan kuliah mereka mulai Isnin depan. Daripada jumlah tersebut, 93 merupakan pelajar dari Sarawak, 14 dari Sabah dan selebihnya dari negeri lain," jelas beliau lagi.

Terdahulu, dalam ucapan pembukaan majlis tersebut, Prof Madya Dr. Yusuf Hadi mengingatkan para siswa bahawa ilmu dari universiti sahaja tidak cukup untuk membentuk seseorang itu menjadi individu yang lengkap.

"Sebaliknya sebagai seorang individu yang benar-benar berperanan membentuk sesebuah masyarakat perlulah melengkapkan diri dengan segala aspek serta maklumat terkini menepati keperluan masa," tegasnya.

Beliau menambah kata UNIMAS akan menyediakan,

berbagai kemudahan dan tunjuk ajar dalam segala aspek pembangunan individu dan inilah perbezaan utama membandingkan siswazah UNIMAS dengan lepasan universiti lain.

Bersempena dengan majlis tersebut, beberapa aktiviti

telah disusun termasuk Majlis Ramah Mesra serta Malam Persembahan Kebudayaan bertujuan untuk mengalukan kedatangan pelajar baru UNIMAS bagi menyesuaikan diri serta mengenali antara satu sama lain.